

11 JAN 2001

Abdul Hamid-Politik

AHLI POLITIK IBARAT PEMAIN BOLA SEPAK, KATA ABDUL HAMID

SIK, 11 Jan (Bernama) -- Tanggungjawab dan peranan ahli politik diibaratkan seperti pemain dalam perlawanan bola sepak, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

"Ada masa seorang penyerang itu terpaksa bermain bola di bahagian pertahanan dan pemain pertahanan pula kena bermain di posisi serangan," katanya semasa berucap pada majlis Aidilfitri Felda Teloi Timur di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis anjuran Pergerakan Pemuda Umno itu ialah Ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan kira-kira 500 penduduk Felda itu.

Abdul Hamid berkata ada ketikanya "ayam tambatan" sesebuah pasukan yang banyak menjaringkan gol dalam sesuatu perlawanan dikeluarkan untuk digantikan dengan pemain simpanan.

"Tindakan ini menimbulkan tanda tanya penonton dan penyokong pasukan itu. Keadaan yang sama juga berlaku dalam politik. Ini adalah aturan politik," katanya mengulas peletakan jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, baru-baru ini.

Pada 5 Jan lepas, Abdul Hamid mengumumkan peletakan jawatannya membolehkan beliau memberi tumpuan kepada tugas-tugas Fardu Kifayah. Surat peletakan jawatan itu diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Jan.

Beliau bagaimanapun mengekalkan jawatan anggota Majlis Tertinggi Umno, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah dan Ketua Umno Bahagian Sik.

Abdul Hamid berkata Umno kini sedang menyusun strategi baru bagi memperkukuhkan parti itu demi mengekalkan pemerintahan di negara ini.

"Umno akan lebih kuat lagi selepas ini. Ini penting demi mengekalkan hak yang orang Melayu miliki selama ini," katanya.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita kemudian, Abdul Hamid berkata beliau akan mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Sik pada pemilihan bahagian Mac ini.

-- BERNAMA

MAN NAK